



SEBAHAGIAN daripada pelajar baharu pengambilan kedua sesi akademik 2015-2016 melafazkan ikrar dalam majlis yang berlangsung di Panggung Seni UKM, Bangi, semalam. - UTUSAN/ SAIFUL BAHARI ASHARI

400 pelajar baharu UKM lafaz ikrar

BANG 21 Sept. - Sebanyak 400 pelajar baharu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pengambilan kedua sesi akademik 2015/2016 melafazkan ikrar di hadapan Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali hari ini.

Menurut Noor Azlan, program tersebut merupakan tradisi yang diadakan setiap tahun di universiti itu kepada semua pelajar baharu.

"Saya sering mengatakan bahawa pentingnya setiap warga UKM untuk memahami matlamat institusi dan amanah yang diberikan kepada universiti ini.

"Ikrar ini penting untuk mereka memahami bahawa tuntutan ke atas graduan hari ini seiring dengan pelan pembangunan pendidikan tinggi yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada April lalu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Ikrar Pelajar Baharu Pengambilan Kedua UKM di Dewan Canselor Tun Abdul Razak dekat sini.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM, Prof. Datin Noor Aziyah Mohd. Awal, dekan-dekan fakulti

serta pegawai-pegawai pengurusan.

Menurut beliau, UKM menggunakan pendekatan Strategi Payung Merah bagi membantu pelajar-pelajar baharu menonjolkan diri supaya kehebatan mereka dapat dilihat.

Bacaan ikrar diketuai pelajar jurusan Geografi peringkat ijazah muda, Ding Chin Wei, 20, yang melafazkan ikrar bahawa mereka akan mematuhi Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) serta berjanji untuk tidak mensia-siakan peluang yang diperoleh sebagai mahasiswa universiti.